Premium yang diterbitkan dalam risalah ini adalah untuk risiko lazim sahaja dan penambahan premium boleh dikenakan kepada risiko tidak lazim. Kadar premium tidak dijamin dan akan disemak semula pada Tarikh Kuat Kuasa Semak Semula yang ditetapkan dalam Jadual Had. Premium yang disemak semula masing-masing akan terpakai pada masa pembaharuan.

### **Tempoh sah polisi**

Produk ini akan sah sehingga 30 Jun 2115.

### **Pelepasan Cukai**

Premium tahunan yang dibayar di bawah Polisi ini akan memberi anda pelepasan cukai pendapatan tambahan sehingga RM3,000.

## **Apakah yang tidak dilindungi**

Polisi ini tidak melindungi ketidakupayaan yang sedia ada dan pengecualian lain yang terkandung dalam Polisi ini. Rawatan untuk penyakit tidak dilindungi pada 30 hari yang pertama Polisi berkuat kuasa.

Rawatan perubatan yang diterima oleh Orang yang Diinsuranskan di luar Malaysia tidak dilindungi jika Orang yang Diinsuranskan tinggal atau mengembara di luar Malaysia selama lebih dari sembilan puluh (90) hari berturut-turut sebelum rawatan di luar Negara.

### **Tempoh bertenang**

Sekiranya Polisi ini telah dikeluarkan dan atas apa-apa sebab sekalipun pihak Orang yang Diinsuranskan membuat keputusan untuk tidak mengambil Polisi, Orang Yang Diinsuranskan boleh mengembalikan Polisi kepada Syarikat untuk pembatalan dengan syarat permohonan untuk pembatalan tersebut dihantar oleh Orang yang Diinsuranskan kepada Syarikat dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penyerahan Polisi. Orang Yang Diinsuranskan layak untuk menerima pulangan penuh premium yang telah dibayar tolak perbelanjaan perubatan (jika berkenaan) yang ditanggung oleh Syarikat untuk mengeluarkan Polisi ini.

### **Panel hospital di Malaysia**

Dengan Bantuan Kemasukan Hospital, anda boleh mendapat rawatan di lebih daripada 100 hospital swasta di Malaysia dengan bantuan pembekal perkhidmatan kami yang dilantik. Untuk rawatan di panel hospital, anda hanya perlu membayar kepada hospital Deduktibel (jika berkenaan) dan lain-lain perbelanjaan yang tidak dibayar. Kami akan membayar terus kepada hospital-hospital semua kos rawatan yang layak.

### **Cara memohon insurans**

Selagi anda adalah pemegang unit Public Mutual dan layak untuk menandatangani kontrak ini secara sah, anda boleh memohon menginsuranskan diri anda. Umur kemasukan terakhir ialah 70 tahun hari lahir yang berikutnya.



# Lembaran Pendedahan Produk

## Mutual MediPlus

(Insurans Perubatan Major)

2 Januari 2019

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil **Mutual MediPlus**. Pastikan juga membaca terma dan syarat umum.

### 1. Mengenai apakah produk ini?

Ini adalah produk insurans perubatan major yang menyediakan insurans "Top-Up" bagi mereka yang tidak mempunyai insurans penghospitalan dan pembedahan yang mencukupi untuk memenuhi kos penjagaan kesihatan semasa.

Ia adalah satu polisi untuk tujuan terakhir yang hanya akan membuat pembayaran selepas semua saluran pampasan daripada polisi insurans perubatan lain telah digunakan sepenuhnya.

Produk ini juga boleh berfungsi sebagai polisi insurans penghospitalan dan pembedahan asas yang mampu dibeli bagi mereka yang bersedia untuk membiayai sendiri jumlah deduktibel.

### 2. Apakah perlindungan/faedah yang disediakan?

Tempoh perlindungan adalah selama satu tahun. Sebaik sahaja permohonan anda diterima, LONPAC INSURANCE BHD tidak akan mengubah terma dan syarat pada pembaharuan seterusnya.

Anda mempunyai pilihan untuk memperbaharui Polisi tertakluk kepada terma dan syarat Polisi.

Produk ini hanya sah dari tarikh pelancaran dan tidak lagi sah selepas 30 Jun 2115.

Had Bilik dan Makan, Deduktibel Setiap Hilang Upaya, Had Setiap Hilang Upaya dan Had Tahunan Keseluruhan akan meningkat secara automatik pada Tarikh Kuat Kuasa Semak Semula yang ditetapkan dalam Jadual Had, tertakluk kepada yang berikut:

- Deduktibel dan had yang baru hanya akan terpakai kepada polisi baru yang dikeluarkan atau polisi yang diperbaharui pada atau selepas tarikh kuat kuasa bagi peningkatan had.
- Deduktibel dan had yang dikenakan bagi tuntutan masing-masing adalah Deduktibel dan had yang dikenakan terhadap Polisi semasa hari yang pertama tuntutan masing-masing dibuat dan peningkatan Deduktibel dan had tidak akan terpakai kepada tuntutan yang telah dilaporkan.

Contoh: Encik Tan membeli Pelan 4 pada 02 Januari 2019. Perlindungan insuransya adalah berikut:

## Jadual Had

Tarikh Kuat Kuasa Semak Semula	Bilik & Makan	Deduktibel Setiap Hilang Upaya	Had Setiap Hilang Upaya	Had Tahunan Keseluruhan
02/01/2019	RM550	RM11,000	RM220,000	RM440,000
01/07/2021	RM600	RM12,000	RM240,000	RM480,000
01/07/2024	RM650	RM13,000	RM260,000	RM520,000
01/07/2027	RM700	RM14,000	RM280,000	RM560,000
01/07/2030	RM750	RM15,000	RM300,000	RM600,000
01/07/2033	RM800	RM16,000	RM320,000	RM640,000
01/07/2036	RM850	RM17,000	RM340,000	RM680,000
01/07/2039	RM900	RM18,000	RM360,000	RM720,000
01/07/2042	RM950	RM19,000	RM380,000	RM760,000
01/07/2045	RM1,000	RM20,000	RM400,000	RM800,000
01/07/2048	RM1,050	RM21,000	RM420,000	RM840,000
01/07/2051	RM1,100	RM22,000	RM440,000	RM880,000
01/07/2054	RM1,150	RM23,000	RM460,000	RM920,000
01/07/2057	RM1,200	RM24,000	RM480,000	RM960,000
01/07/2060	RM1,250	RM25,000	RM500,000	RM1,000,000
01/07/2063	RM1,300	RM26,000	RM520,000	RM1,040,000
01/07/2066	RM1,350	RM27,000	RM540,000	RM1,080,000
01/07/2069	RM1,400	RM28,000	RM560,000	RM1,120,000
01/07/2072	RM1,450	RM29,000	RM580,000	RM1,160,000
01/07/2075	RM1,500	RM30,000	RM600,000	RM1,200,000
01/07/2078	RM1,550	RM31,000	RM620,000	RM1,240,000
01/07/2081	RM1,600	RM32,000	RM640,000	RM1,280,000
01/07/2084	RM1,650	RM33,000	RM660,000	RM1,320,000
01/07/2087	RM1,700	RM34,000	RM680,000	RM1,360,000
01/07/2090	RM1,750	RM35,000	RM700,000	RM1,400,000
01/07/2093	RM1,800	RM36,000	RM720,000	RM1,440,000
01/07/2096	RM1,850	RM37,000	RM740,000	RM1,480,000
01/07/2099	RM1,900	RM38,000	RM760,000	RM1,520,000
01/07/2102	RM1,950	RM39,000	RM780,000	RM1,560,000
01/07/2105	RM2,000	RM40,000	RM800,000	RM1,600,000
01/07/2108	RM2,050	RM41,000	RM820,000	RM1,640,000
01/07/2111	RM2,100	RM42,000	RM840,000	RM1,680,000
01/07/2114	RM2,150	RM43,000	RM860,000	RM1,720,000

Premium pembaharuan yang perlu dibayar tidak dijamin. Syarikat akan menyemak semula Jadual Premium Tahunan yang berkenaan pada Tarikh Kuat Kuasa Semak Semula yang ditetapkan dalam Jadual Had.

Premium yang disemak semula masing-masing akan terpakai pada masa pembaharuan.

Perubahan sedemikian jika ada, akan terpakai kepada semua Pemegang Polisi tanpa mengira pengalaman tuntutan mereka mengikut penilaian risiko Syarikat.

# Jadual Manfaat

Keterangan Manfaat (pada tarikh pelancaran)	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)	Pelan 4 (RM)	Pelan 5 (RM)	Pelan 6 (RM)
--	-----------------	-----------------	-----------------	-----------------	-----------------	-----------------

## Seksyen A: Perbelanjaan penghospitalan dan pembedahan

### Sebelum pesakit dimasukkan ke hospital atau menjalani pembedahan di hospital

- Rundingan Pakar dan Ujian Diagnostik Pra-pembedahan
- Rundingan Pakar Pra-hospital
- Ujian Diagnostik Pra-hospital

Seperti yang Dicaikan, tertakluk kepada perbelanjaan munasabah, biasa dan perlu yang dilakukan dalam masa 31 hari sebelum kemasukan hospital atau pembedahan

### Apabila pesakit sedang dirawat sebagai pesakit dalam di hospital atau menjalani pembedahan

- Unit Rawatan Rapi
- Bekalan dan Khidmat Hospital
- Bayaran Pembedahan (termasuk Bayaran Pakar Bius dan Bayaran Bilik Bedah)
- Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital, tidak melebihi dua lawatan sehari

Seperti yang Dicaikan, tertakluk kepada perbelanjaan munasabah, biasa dan perlu yang dilakukan semasa tempoh polisi

### Selepas pesakit keluar dari hospital untuk rawatan bukan pembedahan

- Rawatan Selepas Penghospitalan

Seperti yang Dicaikan, tertakluk kepada perbelanjaan munasabah, biasa dan perlu yang ditanggung sehingga 60 hari dari tarikh keluar dari hospital

### Jika pesakit perlu dipindahkan oleh ambulans darat ke lokasi yang sesuai untuk rawatan atau diagnosis

- Bayaran Ambulans

Seperti yang Dicaikan, tertakluk kepada perbelanjaan munasabah, biasa dan perlu yang dilakukan semasa tempoh polisi

### Manfaat lain

- Transplan Organ
- Cukai Barang dan Perkhidmatan (di mana berkenaan)
- Bayaran Laporan Perubatan
- Jagaan Jururawat di Rumah

Seperti yang Dicaikan, tertakluk kepada perbelanjaan munasabah, biasa dan perlu yang dilakukan semasa tempoh polisi

## Seksyen B: Rawatan pesakit luar yang tertentu

Rawatan Kanser Pesakit Luar, setiap hilang upaya	240,000	180,000	120,000	60,000	30,000	25,000
--	---------	---------	---------	--------	--------	--------

Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar, setiap hilang upaya	240,000	180,000	120,000	60,000	30,000	25,000
--	---------	---------	---------	--------	--------	--------

### Had perlindungan (Seksyen A & B)

Bilik Hospital dan Makan, had harian yang dikenakan semasa tempoh polisi	2,200	1,650	1,100	550	440	330
--	-------	-------	-------	-----	-----	-----

Deduktibel Setiap Hilang Upaya	44,000	33,000	22,000	11,000	8,250	5,500
--------------------------------	--------	--------	--------	--------	-------	-------

Had Setiap Hilang Upaya	1,100,000	825,000	550,000	220,000	110,000	82,500
-------------------------	-----------	---------	---------	---------	---------	--------

Had Tahunan Keseluruhan	2,200,000	1,650,000	1,100,000	440,000	220,000	165,000
-------------------------	-----------	-----------	-----------	---------	---------	---------

### Nota penting:

Had Bilik dan Makan, Deduktibel Setiap Hilang Upaya, Had Setiap Hilang Upaya dan Had Tahunan Keseluruhan akan meningkat secara automatik pada Tarikh Kuat Kuasa Semak Semula yang ditetapkan dalam Jadual Had dan tertakluk kepada berikut:

- Deduktibel baru dan had baru masing-masing hanya akan terpakai kepada polisi baru yang dikeluarkan dan polisi yang diperbaharui pada atau selepas tarikh berkuat kuasa peningkatan had tersebut.
- Deduktibel dan had yang dikenakan untuk tuntutan masing-masing adalah deduktibel dan had yang dikenakan terhadap polisi pada hari yang pertama tuntutan masing-masing dibuat dan peningkatan Deduktibel dan Had Perlindungan tidak akan terpakai kepada tuntutan yang telah dilaporkan.

## Tarikh Kuat Kuasa Semak Semula

Had perlindungan akan ditingkatkan pada tarikh yang berikut:

1/7/2021	1/7/2033	1/7/2045	1/7/2057	1/7/2069	1/7/2081	1/7/2093	1/7/2105
1/7/2024	1/7/2036	1/7/2048	1/7/2060	1/7/2072	1/7/2084	1/7/2096	1/7/2108
1/7/2027	1/7/2039	1/7/2051	1/7/2063	1/7/2075	1/7/2087	1/7/2099	1/7/2111
1/7/2030	1/7/2042	1/7/2054	1/7/2066	1/7/2078	1/7/2090	1/7/2102	1/7/2114

### 3. Berapa premium yang saya perlu bayar?

Premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung pada pilihan pelan anda, pekerjaan, lingkungan umur dan keperluan pengunderaitan kami.

Bayaran premium adalah berdasarkan pada umur hari lahir yang berikutnya tetapi penambahan premium mungkin dikenakan bergantung kepada keperluan pengunderaitan LONPAC INSURANCE BHD.

Premium pembaharuan akan diselaraskan secara automatik apabila memasuki lingkungan umur yang berikutnya.

Premium mungkin juga diselaraskan sekiranya terdapat perubahan kepada pekerjaan anda pada masa pembaharuan.

Premium untuk risiko lazim adalah seperti di Jadual Premium Tahunan bawah.

#### Bayaran Sebelum Perlindungan

Produk ini dijual berdasarkan Bayaran Sebelum Perlindungan. Premium yang perlu mesti dibayar sepenuhnya sebelum tarikh berkuatkuasanya polisi ini.

### Jadual Premium Tahunan

Umur Hari Lahir Berikutnya	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)	Pelan 4 (RM)	Pelan 5 (RM)	Pelan 6 (RM)
30 hari - 18 tahun	714.00	672.00	541.00	456.00	225.00	224.00
19 tahun - 25 tahun	797.00	749.00	604.00	508.00	253.00	247.00
26 tahun - 35 tahun	939.00	882.00	711.00	596.00	284.00	279.00
36 tahun - 45 tahun	1,050.00	985.00	794.00	665.00	367.00	361.00
46 tahun - 55 tahun	1,136.00	1,067.00	859.00	720.00	518.00	509.00
56 tahun - 60 tahun	1,593.00	1,496.00	1,201.00	1,005.00	780.00	767.00
61 tahun - 65 tahun	2,296.00	2,154.00	1,728.00	1,445.00	1,226.00	1,199.00
66 tahun - 70 tahun	3,373.00	3,163.00	2,536.00	2,117.00	1,976.00	1,912.00
71 tahun - 75 tahun (pembaharuan sahaja)	3,818.00	3,582.00	2,870.00	2,396.00	2,236.00	2,164.00
76 years - 80 tahun (pembaharuan sahaja)	5,143.00	4,824.00	3,863.00	3,224.00	3,008.00	2,910.00
Melebihi 80 tahun (pembaharuan sahaja)	6,258.00	5,868.00	4,699.00	4,310.00	3,961.00	3,773.00

## Tarikh Kuat Kuasa Semak Semula

Premium akan disemak semula pada tarikh yang berikut:

1/7/2021	1/7/2033	1/7/2045	1/7/2057	1/7/2069	1/7/2081	1/7/2093	1/7/2105
1/7/2024	1/7/2036	1/7/2048	1/7/2060	1/7/2072	1/7/2084	1/7/2096	1/7/2108
1/7/2027	1/7/2039	1/7/2051	1/7/2063	1/7/2075	1/7/2087	1/7/2099	1/7/2111
1/7/2030	1/7/2042	1/7/2054	1/7/2066	1/7/2078	1/7/2090	1/7/2102	1/7/2114

### 4. Apakah fi dan caj yang saya perlu bayar?

Komisen untuk ejen insurans (termasuk dalam Premium Kasar)	15% daripada Premium Kasar
Duti Setem	RM10

### 5. Apakah beberapa terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?

#### Kewajipan Pendedahan

##### Kontrak Insurans Pengguna

Mengikut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon Insurans ini sepenuhnya untuk diri sendiri/keluarga/tanggungannya, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan tersebut dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

##### Kontrak Insurans Komersial

Menurut Perenggan 4(1) daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk memberi manfaat insurans kepada pekerja dan keluarga/tanggungannya, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan, dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan

atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

## **Tempoh Insurans dan Pembaharuan**

Polisi ini akan berkuat kuasa mengikut tarikh yang dinyatakan di dalam Jadual. Ulang Tahun Polisi adalah satu tahun selepas tarikh kuat kuasa dan setiap tahun berikutnya. Pada setiap ulang tahun itu, Polisi ini boleh dibaharui pada kadar premium yang berkuat kuasa pada masa itu seperti yang diberitahu oleh Syarikat.

Polisi ini boleh dibaharui mengikut pilihan pemegang polisi tertakluk kepada terma, syarat dan penamatan pada setiap tarikh ulang tahun Polisi. Semasa pembaharuan, terma dan syarat perlindungan tidak boleh dipinda.

Premium pembaharuan yang perlu dibayar tidak dijamin dan Syarikat akan menyemak semula Jadual Premium Tahunan yang berkenaan pada Tarikh Kuat Kuasa Semak Semula yang ditetapkan dalam Jadual Had. Premium yang disemak semula masing-masing akan terpakai pada masa pembaharuan. Perubahan tersebut, jika ada, hendaklah terpakai kepada semua

pemegang polisi tanpa mengambil kira pengalaman tuntutan mereka mengikut penilaian risiko Syarikat.

Polisi ini boleh dibaharui mengikut pilihan pemegang polisi sehingga berlaku mana-mana yang berikut:

- Premium tidak dibayar atau premium tidak dibayar mengikut masa.
- Penipuan atau salah nyataan fakta penting semasa membuat permohonan.
- Polisi dibatalkan atas permintaan Pemegang Polisi.
- Kematian Orang yang Diinsuranskan.
- Orang yang Diinsuranskan tidak lagi layak menjadi tanggungan berdasarkan takrif Polisi.

Syarikat akan memberi tiga puluh (30) hari notis bertulis sebelum pembaharuan Polisi sekiranya kadar premium dipinda.

## **Deduktibel Setiap Hilang Upaya**

Ini adalah jumlah perbelanjaan yang anda akan tanggung untuk setiap Hilang Upaya. Hanya jumlah yang melebihi deduktibel ini (dan semua saluran pampasan daripada insurans lain) akan dibayar oleh Polisi ini.

## **Tempoh bertenang**

Sekiranya Polisi ini telah dikeluarkan dan atas apa-apa sebab sekalipun pihak Orang yang Diinsuranskan membuat keputusan untuk tidak mengambil Polisi, Orang Yang Diinsuranskan boleh mengembalikan Polisi kepada Syarikat untuk pembatalan dengan syarat permohonan untuk pembatalan tersebut dihantar oleh Orang yang Diinsuranskan kepada Syarikat dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penyerahan Polisi. Orang Yang Diinsuranskan layak untuk menerima

pulangan penuh premium yang telah dibayar tolak perbelanjaan perubatan (jika berkenaan) yang ditanggung oleh Syarikat untuk mengeluarkan Polisi ini.

### **Tempoh Kelayakan atau Tempoh Tanggung**

Kelayakan untuk manfaat di bawah Polisi hanya akan bermula tiga puluh (30) hari selepas tarikh berkuatkuasanya Polisi kecuali untuk kemalangan. Kecuali diperbaharui, perlindungan akan terhenti pada tarikh luput dan LONPAC INSURANCE BHD tidak akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk sebarang perbelanjaan yang berlaku selepas tarikh luput.

### **Bayaran bersama Bilik dan Makan dinaikkan**

Anda perlu menanggung 20% daripada manfaat layak jika anda dimasukkan ke hospital pada kategori bilik dan makan yang diumumkan yang lebih baik dan pada kos yang lebih tinggi daripada manfaat yang anda layak.

### **Meningkatkan Pelan Diinsuranskan**

Permohonan untuk meningkatkan pelan diinsuranskan tidak dibenarkan. Sekiranya pemegang polisi ingin dilindungi dengan pelan yang berlainan, permohonan baru diperlukan dan polisi baru akan dikeluarkan. Permohonan tertakluk kepada pengunderaitan dan penerimaan oleh LONPAC INSURANCE BHD.

*Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah polisi ini.*

## **6. Bolehkah saya memilih untuk dirawat di luar negara?**

Polisi ini memberikan perlindungan semasa anda mengembara atau menetap di luar negara selama tidak melebihi sembilan puluh (90) hari berturut-turut. Walau bagaimanapun tiada manfaat akan dibayar jika tujuan anda adalah untuk mendapatkan rawatan di luar negara apabila rawatan tersedia di dalam negara kecuali jika ia adalah disebabkan oleh kecemasan perubatan atau atas cadangan doktor untuk keperluan dipindahkan ke hospital di luar Malaysia kerana sifat khusus rawatan, bantuan, maklumat atau keputusan yang tidak dapat diberikan, disediakan atau diambil di Malaysia.

Rawatan di luar negara bagi wabak, sakit atau kecederaan yang didiagnosis di Malaysia dan keadaan bukan kecemasan atau kronik yang rawatannya boleh ditangguhkan sewajarnya hingga pulang ke Malaysia adalah dikecualikan.

Anda boleh meminta Polisi anda diperluaskan untuk merawat rawatan elektif di Singapura dan Brunei dengan membayar penambahan premium seperti yang dikenakan oleh LONPAC INSURANCE BHD.

## **7. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?**

- Penyakit sedia ada.
- Apa-apa keadaan perubatan atau fizikal yang berlaku dalam tempoh 30 hari pertama perlindungan atau tarikh pengembalian semula bagi Orang yang Diinsuranskan, mengikut mana-mana yang terakhir kecuali untuk kecederaan akibat kemalangan.

- Pembedahan plastik/kosmetik, khatan, pemeriksaan mata, cermin mata dan pembetulan penglihatan dekat melalui pembiasan atau pembedahan (Keratotomi Radial atau Lasik) dan penggunaan atau pemerolehan perkakas atau alat prostetik seperti anggota tiruan, alat pendengaran, perentak yang diimplankan dan preskripsinya.
- Penyakit pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali apabila diperlukan kerana Kecederaan Akibat Kemalangan pada gigi asli yang sihat yang berlaku sepenuhnya dalam Tempoh Insurans.
- Penjagaan peribadi, rehat pulih atau jagaan kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, intoksikasi, pensterilan, penyakit venereal dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV, dan apa-apa penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang.
- Apa-apa rawatan atau operasi pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan.
- Kehamilan, melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan ketaksuburan, disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pensterilan.
- Penghospitalan terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-x, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Hilang Upaya yang dilindungi yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan.
- Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman.
- Perang atau apa-apa tindakan perang, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, aktiviti jenayah atau pengganas, bergiat cergas dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan awam atau penderhakaan tentera.
- Radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuklear.
- Belanja yang ditanggung untuk menderma mana-mana organ tubuh oleh Orang yang Diinsuranskan dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika transplan organ dan komplikasinya.
- Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, terapi penggantian hormon dan terapi pilihan seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada khidmat kiropraktik, akupunktur,



akutekanan, refleksologi, pengikatan tulang, rawatan pakar herba, urut atau terapi aroma atau rawatan pilihan yang lain.

- Jagaan atau rawatan yang pembayarannya tidak dikehendaki atau setakat yang ia dibayar oleh mana-mana insurans lain atau tanggung rugi yang melindungi Orang yang Diinsuranskan dan Hilang Upaya yang timbul daripada tugas dalam pekerjaan atau kerjaya yang dilindungi di bawah Kontrak Insurans Pampasan Pekerja.
- Psikitik, gangguan mental atau saraf (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya).
- Kos/belanja bagi khidmat yang bersifat bukan perubatan, seperti televisyen, telefon, khidmat teleks, radio atau kemudahan yang serupa, kit/pek kemasukan dan barang bukan perubatan lain yang tidak layak.
- Sakit atau kecederaan yang timbul daripada apa-apa jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjun di udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang tidak dibenarkan.
- Penerbangan peribadi selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersial berjadual yang dilesen untuk mengangkut penumpang melalui laluan yang ditetapkan.
- Belanja yang ditanggung untuk menukar jantina.

## **8. Bolehkah saya batalkan polisi saya?**

Anda boleh membatalkan Polisi pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, sebarang bayaran balik premium akan dibuat berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan dalam kontrak Polisi.

## **9. Apa yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan pada butiran kontak/peribadi saya?**

Adalah penting anda memaklumkan kepada kami apa-apa perubahan dalam profil kehidupan anda termasuk pekerjaan dan usaha peribadi anda yang akan menjejaskan profil risiko.

## **10. Di mana boleh saya dapat maklumat lanjut?**

Seciranya anda menghendaki maklumat tambahan mengenai insurans penghospitalan dan pembedahan, sila rujuk kepada buku panduan info insurans tentang 'Insurans Perubatan & Kesihatan', di [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

## **11. Jenis perlindungan Insurans Penghospitalan dan Pembedahan lain yang ada**

- Mutual MediCare

## IMPORTANT NOTE/NOTA PENTING

**YOU SHOULD SATISFY YOURSELF THAT THIS POLICY WILL BEST SERVE YOUR NEEDS. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE INSURANCE POLICY AND DISCUSS WITH THE AGENT OR CONTACT US DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.**

*This Product Disclosure Sheet is for general information only and is valid as from 2 January 2019 to 30 June 2021.*

LONPAC INSURANCE BHD is licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia to transact all classes of general insurance business.

This brochure is not a contract of insurance. The complete coverage, terms and conditions applicable are set out in the Policy document. In the event of a conflict between the English and Bahasa Malaysia versions, the English version shall prevail.

If an Insured Person switches policy from one insurer to another or from one type of health plan to another, the Waiting Period may start afresh. Any deteriorating health status may also result in imposition of less favourable terms or non-acceptance of application.

The Annual Premium Table is based on standard health status and non-hazardous occupation. Renewal premium will automatically increase as the Insured enters the next age group.

**ANDA HARUS BERPUAS HATI YANG POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA HARUS BACA DAN FAHAM POLISI INSURANS DAN BINCANG DENGAN EJEN ATAU TERUS HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

*Lembaran Pendedahan Produk ini hanya untuk maklumat am sahaja dan sah dari 2 Januari 2019 hingga 30 Jun 2021.*

LONPAC INSURANCE BHD dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia untuk mengendalikan semua kelas perniagaan insurans am.

Risalah ini bukan kontrak insurans. Perlindungan, terma dan syarat yang lengkap yang digunakan dinyatakan dalam dokumen Polisi. Sekiranya berlaku konflik antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan berlaku.

Jika Orang yang Diinsuranskan menukar polisi dari satu penanggung insurans kepada yang lain atau dari satu jenis pelan kesihatan ke yang lain, Tempoh Tunggu mungkin mula semula. Mana-mana status kesihatan yang merosot juga boleh mengakibatkan pengenaan syarat-syarat yang kurang baik atau tidak menerima permohonan.

Jadual Premium Tahunan berdasarkan status kesihatan standard dan risiko pekerjaan. Premium pembaharuan secara automatik akan meningkat apabila Orang yang Diinsuranskan memasuki kumpulan umur seterusnya.

# Branches/Service Centres

## WEST MALAYSIA

### 1 Utama Shopping Centre

Tel: 03-2022 5000

### Alor Setar

Tel: 04-7366 500 Fax: 04-7364 655

E-mail: aor@publicmutual.com.my

### Bangsar

Tel: 03-2022 5000 Fax: 03-2283 5739

E-mail: klsl@publicmutual.com.my

### Batu Pahat

Tel: 07-4363 500 Fax: 07-4326 588

E-mail: bpt@publicmutual.com.my

### Bukit Mertajam

Tel: 04-5405 000 Fax: 04-5376 580

E-mail: bkm@publicmutual.com.my

### Butterworth

Tel: 04-3141 500 Fax: 04-3317 775

E-mail: btw@publicmutual.com.my

### Cheras

Tel: 03-2022 5000 Fax: 03-9132 1022

E-mail: chr@publicmutual.com.my

### Damansara Perdana

Tel: 03-2022 5000 Fax: 03-7722 2475

E-mail: dsp@publicmutual.com.my

### Ipoh

Tel: 05-2462 500 Fax: 05-2559 859

E-mail: iph@publicmutual.com.my

### Johor Bahru

Tel: 07-3607 500 Fax: 07-3548 600

E-mail: jhb@publicmutual.com.my

### Klang

Tel: 03-2022 5000 Fax: 03-3323 5632

E-mail: kel@publicmutual.com.my

### Kluang

Tel: 07-7391 500 Fax: 07-7736 195

E-mail: klg@publicmutual.com.my

## EAST MALAYSIA

### Bintulu

Tel: 086-859 500 Fax: 086-330 221

E-mail: btu@publicmutual.com.my

### Kota Kinabalu

Tel: 088-327 500 Fax: 088-238 389

E-mail: bki@publicmutual.com.my

### Kuching

Tel: 082-226 500 Fax: 082-239 825

E-mail: kch@publicmutual.com.my

### Miri

Tel: 085-323 500 Fax: 085-416 195

E-mail: mri@publicmutual.com.my

### Kota Bharu

Tel: 09-7263 500 Fax: 09-7476 026

E-mail: kbr@publicmutual.com.my

### Kuala Terengganu

Tel: 09-6321 500 Fax: 09-6317 030

E-mail: ktg@publicmutual.com.my

### Kuantan

Tel: 09-5118 500 Fax: 09-5161 223

E-mail: ktn@publicmutual.com.my

### Melaka

Tel: 06-2855 500 Fax: 06-2837 354

E-mail: mlk@publicmutual.com.my

### Muar

Tel: 06-9562 500 Fax: 06-9536 830

E-mail: mua@publicmutual.com.my

### Penang

Tel: 04-2196 500 Fax: 04-2295 171

E-mail: pen@publicmutual.com.my

### Puchong

Tel: 03-2022 5000 Fax: 03-8065 3010

E-mail: pch@publicmutual.com.my

### Seremban

Tel: 06-6372 500 Fax: 06-7644 237

E-mail: sbm@publicmutual.com.my

### Shah Alam

Tel: 03-2022 5000 Fax: 03-5513 9288

E-mail: sal@publicmutual.com.my

### Sungai Petani

Tel: 04-4558 500 Fax: 04-4230 663

E-mail: sgp@publicmutual.com.my

### Temerloh

Tel: 09-2955 500 Fax: 09-2968 060

E-mail: tml@publicmutual.com.my

### Sandakan

Tel: 089-231 500 Fax: 089-222 889

E-mail: sdk@publicmutual.com.my

### Sibu

Tel: 084-363 500 Fax: 084-330 269

E-mail: sbw@publicmutual.com.my

### Tawau

Tel: 089-982 500 Fax: 089-765 326

E-mail: twu@publicmutual.com.my

HEAD OFFICE

Menara Public Bank 2,  
No. 78, Jalan Raja Chulan,  
50200 Kuala Lumpur.

TELEPHONE

03-2022 6800

FACSIMILE

03-2022 6900

WEBSITE

[www.publicmutual.com.my](http://www.publicmutual.com.my)

Follow us



CUSTOMER SERVICE HOTLINE

**03-2022 5000**

UNDERWRITTEN BY



**LONPAC INSURANCE BHD**  
(307414-T)

HEAD OFFICE

**Lompac Insurance Berhad**

LG, 6th, 7th, 21st-26th Floor,  
Bangunan Public Bank,

6, Jalan Sultan Sulaiman 50000 Kuala Lumpur.  
P.O. Box 10708, 50722 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2262 8688 / 2723 7888

Fax: 03-2072 3385